

JANUARI  
2021

*Aspirasi  
Kejayaan*

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2021 DAN PERSARAAN ANGGOTA PEKERJA PKNP

### TAHNIAH KEPADA SEMUA ANGGOTA PEKERJA YANG TELAH MENGGEMBLENG USAHA BAGI MENCAPAI SASARAN YANG DITETAPKAN

- Ketua Pegawai Eksekutif



"Jasamu tetap dikenang" - Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan PKNP bergambar dengan pesara yang diraikan

Kuantan, 4 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mengucapkan tahniah kepada semua anggota pekerja PKNP yang telah menggembleng usaha bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Hal ini dinyatakan oleh beliau ketika menyampaikan ucapan utama di Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2021 PKNP baru-baru ini.

Pada majlis ini juga beliau telah membentangkan prestasi kewangan 2020 dan pencapaian PKNP sepanjang 2020 seterusnya kejayaan PKNP mencapai sasaran KPI pada tahun 2020.

"Saya berharap ini akan menjadi motivasi kepada semua anggota pekerja PKNP supaya terus bersemangat untuk bekerja dengan lebih kuat pada tahun 2021", tambah beliau lagi.

Beliau juga turut membentangkan hala tuju PKNP bagi tahun 2021 serta mengingatkan semua anggota pekerja untuk sentiasa menjaga integriti dan disiplin sebagai penjawat awam.

Pada majlis yang sama, PKNP turut meraikan dua orang pesara iaitu Puan Hajah Norizan binti Ab. Aziz dan Encik Iskandar bin Abd Samad yang telah berkhidmat di PKNP lebih dari 36 tahun.

Bagi mematuhi prosedur standard operasi (SOP), majlis ini diadakan secara fizikal turut dipancarkan secara langsung ke Dewan Seminar untuk ditonton oleh anggota pekerja PKNP yang lain. Semoga tahun 2021 membawa kejayaan lebih besar untuk PKNP.



Puan Hajah Norizan menerima replika Pakej Menunaikan Umrah berjumlah RM 5,000.00 sumbangan PKNP



Encik Faizal menyerahkan cenderamata kepada Encik Iskandar Abd Samad



## PKNP ANJUR PROGRAM MISI BANTUAN KEMANUSIAAN PKNP 2021

Kuantan, 19 Januari - Penganjuran Misi Bantuan Kemanusiaan PKNP 2021 adalah merupakan salah satu inisiatif PKNP untuk membantu meringankan beban rakyat yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda di beberapa daerah di negeri Pahang baru - baru ini.

Upacara Flag Off program ini telah dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar di mana beliau telah menasihatkan para sukarelawan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan pihak berkuasa serta menjaga imej PKNP di sepanjang program ini berlangsung.

Misi bantuan selama dua hari ini tertumpu kepada beberapa kawasan iaitu pada hari pertama (18 Januari 2021), PKNP telah menggerakkan penghantaran bantuan makanan dan keperluan harian di Kampung Cherok Paloh, Kampung Pulau Rusa, serta kerja-kerja pembersihan rumah persara PKNP di Kampung Semangat, Kuantan.

Manakala pada hari kedua (19 Januari 2021,) misi bantuan telah digerakkan di Kampung Machang Gelap, Kampung Sekara, Kampung Batu Bor, Chenor termasuklah pembersihan rumah-rumah pesara PKNP dan keluarga anggota pekerja PKNP yang terlibat. Misi bantuan berakhir di Kampung Kuala Sentul dan Taman Maran Jaya. Sukarelawan dipecahkan kepada kumpulan yang lebih kecil bagi mematuhi operasi standard prosedur (SOP) bagi memudahkan operasi, pengagihan dilaksanakan secara serentak di beberapa tempat.



"Flag Off" - Ketua Pegawai Eksekutif melancarkan Misi Bantuan Kemanusiaan PKNP 2021

Sebelum daripada itu, pihak PKNP telah memberikan sumbangan berjumlah RM200,000 kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat, PKNP juga telah mengambil inisiatif sendiri dengan memperuntukkan bantuan tambahan sebanyak RM 30,000 kepada mangsa banjir kali ini. Malah, anggota - anggota pekerja PKNP turut menyalurkan sumbangan wang tunai untuk misi ini.

Program ini digerakkan secara bersama oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat dengan kerjasama Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Puspanita PKNP dan Skuad Bencana PKNP. Di samping itu juga, penganjuran program ini adalah salah satu usaha PKNP untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility) sebagai agensi kerajaan di negeri Pahang.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan PKNP merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada para sukarelawan PKNP, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Kelab Keluarga dan PUSPANITA PKNP yang telah menjayakan misi ini.

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA DI NEGERI PAHANG

Kuantan, 26 Januari - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di seluruh Negeri Pahang bermula 26 Januari 2021 sehingga 4 Februari 2021.

PKP dilaksanakan di seluruh negara kecuali di Negeri Sarawak berikutan kenaikan kes Covid - 19 yang agak ketara.

Seluruh anggota pekerja PKNP diminta untuk mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH WILAYAH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA KE PKNP



"Tanda kenangan" - Ketua Pegawai Eksekutif menerima cenderamata daripada Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Kuantan, 21 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Wilayah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Encik Mohd Azwan bin Mohd Salleh baru - baru ini.

MPC berfungsi dalam menerajui penggalakan dan penyebaran maklumat dan isu - isu yang berhubungan dengan produktiviti jabatan. Untuk rekod, PKNP telah diiktiraf oleh MPC sebagai Pengamal Pengurusan Lean Sektor Awam sejak 2013.

Malah, PKNP merupakan agensi pertama melaksanakan Pengurusan Lean di dalam Sektor Perkhidmatan Awam. Kunjungan hormat ini mengukuhkan lagi pengiktirafan MPC kepada PKNP.

Semoga kerjasama dua hala antara dua perbadanan akan terus utuh dan berkembang maju.



## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG KE PKNP

Kuantan, 20 Januari - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menerima kunjungan hormat dari Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK) pada hari ini di Bilik Lembaga, Kompleks Teruntum.

Kunjungan hormat ke PKNP ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian (Pelaburan dan Penswastaan) Encik Jumshoiry Novdany bin Mohd Sulaiman. Kunjungan ini bertujuan untuk pertukaran informasi selaras dengan pihak PSK yang akan bergerak sebagai GLC kerajaan negeri dalam masa terdekat.



Perbincangan dengan pihak PSK sedang berlangsung

## CADANGAN PELABURAN INDUSTRI SILIKA DI NEGERI PAHANG



PKNP diwakili oleh Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina Md. Zabani

Kuantan, 7 Januari - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang melalui Unit Antarabangsa telah mengadakan mesyuarat cadangan pelaburan Industri Silika di Negeri Pahang oleh syarikat Korea, Nexchem Co Ltd yang diwakili syarikat tempatan iaitu Advanced Silica Tech Sdn. Bhd.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pembangunan), YH Dato' Razihan bin Adzharuddin. Turut hadir adalah Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman serta Penolong Pengurus, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

Projek ini setelah direalisasikan kelak akan menyumbang nilai pelaburan berjumlah RM 10 juta bagi peringkat pertama fasa pembangunan serta menyumbang pelbagai faedah kepada kerajaan Negeri Pahang secara amnya.

Mesyuarat tersebut juga telah dijalankan dalam keadaan mematuhi SOP yang telah ditetapkan termasuk penggunaan pelitup muka, penjarakkan sosial serta mengehadkan jumlah kehadiran tetamu yang hadir.

## PKNP TEROKA PELUANG BAHARU BERSAMA MARii

Kuantan, 26 Januari - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menerima kunjungan hormat dari Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii), Dato' Madani Sahari pada hari ini.

Kunjungan hormat julung kali ini disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar. Pertemuan ini diadakan dengan tujuan pembentangan dan perkongsian cadangan projek oleh pihak MARii.

MARii adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) yang berfungsi untuk menggalakkan pembangunan strategik dan operasi 'intelligent systems' melalui penggunaan platform pintar, aplikasi dan teknologi.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pegawai - Pegawai tadbir.



Sesi pembentangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)



**PENYAMPAIAN HADIAH PEMBACA BERITA PKNP**

**- Ujibakat Pencarian Suara Emas 2021**



Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Perbadanan PKNP bergambar bersama para pemenang Ujibakat Pencarian Suara Emas PKNP 2021

Kuantan, 4 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Setiausaha Perbadanan, Datin Noraskin binti Jamaludin hari ini sudi meluangkan masa untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang Ujibakat Pertandingan Suara Emas PKNP 2021.

Pihak Pengurusan PKNP mengucapkan tahniah kepada para pemenang serta kepada semua peserta Ujibakat Pencarian Suara Emas PKNP 2021.

**REALISTIC ATTRACTION SDN BHD SALUR BANTUAN BANJIR KEPADA USAHAWAN TENUN DAN PENENUN DI PEKAN**

Pekan, 20 Januari - Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB) syarikat anak milik PKNP telah melaksanakan Misi Bantuan Banjir 2021 kepada Usahawan Tenun dan Penenun Penenun di Pulau Keladi dan Temai, Pekan, Pahang.

Misi bantuan banjir adalah bertujuan memberi bantuan kepada lebih 40 usahawan - usahawan & penenun di Pulau Keladi dan Temai, Pekan, Pahang yang terjejas akibat banjir yang melanda baru - baru ini.

Misi ini telah diketuai oleh Puan Noraini binti Misran, Ketua Pegawai Operasi RASB. Pihak Pengurusan dan anggota pekerja RASB mengharapkan sumbangan ini dapat membantu usahawan tenun dan penenun - penenun bagi meringankan beban akibat musibah banjir yang melanda.



Barisan Pengurusan dan Anggota Pekerja RASB bersama barangan sumbangan



**MISI BANTUAN KEMANUSIAAN PKNP**  
*Januari 2021*



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP bersama Pengurusan Tertinggi mengaminkan doa - Semoga Misi Bantuan Kemanusiaan PKNP berjalan lancar



Antara penerima Misi Bantuan Kemanusiaan PKNP. 2021



Kerja-kerja pembersihan adalah antara aktiviti yang dilaksanakan oleh sukarelawan PKNP



SOP masih dipatuhi dengan sukarelawan memakai pelitup muka semasa melaksanakan kerja memunggah barang

***Sidang Redaksi***

**Penaung / Penasihat**

- ◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Penyelaras Penerbitan**

- ◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**Ketua Editor**

- ◆ Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

**Grafik**

- ◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
- ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

**Jurufoto**

- ◆ Encik Saiful Azli bin Yahia
- ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

**Firman Allah S.W.T** : "(Ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu Dia perkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya): Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) daripada malaikat yang datang berturut-turut. Dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya. Dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Anfal, ayat 9-10)